

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com


Hazmi Shoroin & Hezri Afzal

'MASK'

Diolah lipatan dari sekeping lembaran aluminium setebal 4mm. Sukarnya memandu bahan yang keras secara manual. Apa tidaknya, bukan untuk dipakai pada sesiapa. Bentuk "mask" sebagai 'arca timbul' pilihan yang utama sebagai ikonografi. Gaya rasa yang sengaja, sengaja juga untuk dipikirkan dan bermonolog apa yang sedang berlaku dunia sekarang, silap langkah maut menanti. Agenda siapa? Kenapa berlaku? Betul tak betul? dan nyata memang ianya sedang berlaku, rasanya teruk lagi mereka yang berhempas pulas di luar sana?

Pada tika dan saat ini dunia masih lagi berdepan dengan pandemik COVID-19. Tidak hanya mematikan manusia, akan tetapi sangat merugikan ekonomi, pendidikan, aktiviti sosial dan di sebaliknya adayang rasa beruntung jua. Pada saat ini jugalah negara kita Malaysia menjadi kasus antara penyebaran jangkitan yang tercepat, angka terkesan dengan COVID-19 semua pelusuk, tetapi angka yang terjangkiti masih meningkat 5000 lebih sehari dalam Malaysia. Bilangan kes positif 751,979, sembuh 682,680, sudah tentu bakinya 5170 kematian dan meningkatnya kluster-kluster terbaru. Hidup dengan musuh yang wujud tetapi tidak nampak, 'lock down dan mask' menjadi kawan karib, pergerakan masyarakat menjadi terbatas menyulitkan segala segi. Tiada bayangan makhluk yang membinasakan, dimata kita hanya bayangan kemanusiaan sahaja. Betapa susahny kelangsungan hidup kita, ada yang kehilangan pendapatan, mereka yang di kuarantin, keluarga yang jarak jauh, sektor pendidikan dan lain-lain hal merencatkan. Kes baru yang ketika ini membimbangkan dalam masa 3 bulan sahaja 336 orang terlibat dalam bunuh diri. Betapa hodohnya jika membayangi sifat mereka pada kita, akan tetapi hanya mereka dengan Maha Pencipta. Berpaling tadah masing-masing apabila terganggu kesihatan mental. Persoalannya sampai bila dan berapa lama lagi tempoh yang harus kita semua dapat harungi.

Dunia semakin tenat, virus yang pelik-pelik tak terjangkau akal biasa kita. Jika dipandang dari sudut akhir zaman yang telah kita belajar dan dengar, tak dinafikan kita sedang bergelut dengan senjata virus. Senjata virus adalah salah satu cabang senjata yang memang dijadikan pilihan musuh. Sekarang kita sedang melalui fasa dalam perang virus yang terbesar dalam peradaban hidupan manusia. Dan sebelum ini peradaban kehidupan manusia telah pun lalui dengan 5 wabak yang paling dahsyat iaitu: Maut Hitam (Black Death), pada sekitar tahun 1346-1353 ini dikatakan meragut jumlah yang paling ketara dari populasi dunia ketika itu iaitu sekitar 200 juta mangsa. Mangsa korban Maut Hitam atau 'Black Death' ini meliputi lebih separuh dari jumlah populasi warga Eropah. Ia berpunca daripada sejenis bakteria dikenali 'Yersinia pestis' yang dipercayai sudah pupus pada zaman ini dan disebarkan oleh kutu. Pesakit akan menunjukkan gejala-gejala seperti tempelan hitam yang tumbuh pada kulit yang kemudian bernanah sehingga mengeluarkan darah. Cacar Air (Small Pox), wabak cacar air dikatakan bermula sejak Zaman Empayar Mesir dan menyerang sekitar 56 juta populasi dunia. Merujuk kefahaman dari info kesihatan, virus cacar air yang dikenali sebagai virus Varicella menjangkiti melalui udara apabila seseorang yang menghidap cacar air itu mengalami batuk atau bersin. Difahamkan, seseorang yang dijangkiti virus ini akan mengalami demam dan



timbul ruam lepuh. Ia boleh merebak dengan menyentuh atau bernafas masuk partikel virus yang terdapat pada cecair yang keluar daripada lepuh. Dengan kecanggihan teknologi perubatan moden, cacar air, bagaimanapun, mampu dicegah dengan vaksin. Selesema Sepanyol (Spanish Flu), wabak yang direkodkan mula merebak pada tahun 1918 ini dianggap mengorbankan nyawa melebihi 40 juta mangsa. Meskipun diberi nam 'Spanish Flu', asal-usul penyakit ini bukan berasal dari negara itu. Sebaliknya, ketika kemunculan wabak itu, undang-undang penapisan akhbar Sepanyol tidak ketat lantas penyebaran maklumat terlalu bebas. Kesannya, penyakit itu disalah anggap berpunca dari negara itu sehingga kini namanya kekal pada nama Sepanyol. Wabak Justinian, difahamkan, jumlah kematian akibat wabak yang telah menyerang pusat pentadbiran Empayar Byzantine ini masih menjadi perdebatan. Walaubagaimanapun, ramai mempercayai bahawa ia berpunca daripada kehadiran tikus dalam kapal yang datang dari Mesir ke sebuah pekan pelabuhan bernama Pelusium. Oleh kerana ia berlaku sekitar 541 tahun Masihi (AD), banyak perkara yang tidak diketahui tentang wabak ini. Menurut sejarah, Maharaja Justinian juga turut dijangkiti wabak itu dan berjaya sembuh. Bagaimanapun, empayarnya jatuh dan lumpuh ketika wabak itu merebak. AIDS, umum mengetahui terma HIV yang membawa makna bagi singkatan 'Human Immunodeficiency Virus'. Virus ini akan menyerang badan seseorang dan menyebabkan penyakit sindrom kurang daya tahan melawan penyakit atau AIDS dan kesannya memusnahkan sistem ketahanan badan. Menurut portal UNAIDS, sejak kes pertama direkodkan 35 tahun lalu, terdapat 78 juta mangsa dijangkiti HIV dan 35 juta daripadanya meninggal dunia. Fakta sejarah pula mengatakan virus yang wujud sehingga kini itu berpunca daripada monyet di Afrika. Beberapa dekad berlalu, vaksin untuk menghapuskan virus berjangkit ini masih belum ditemui. Apapun, setiap ujian menimpa manusia pasti ada hikmahnya. Kesudahan wabak COVID-19 ini masih menjadi tanda tanya ekoran masih tiada vaksin yang ditemui yang mampu menjadi ubat. COVID-19 juga akan tersenarai tambah penyakit berjangkit yang merbahaya. Berapa korban nyawa populasi akan tercatat dalam sejarah pun kita belum pasti. Adapun setiap hari angka kematian semakin meningkat setiap hari. Apa yang pasti, pencegahannya bhanya bergantung kepada kita yang perlu memutuskan rantaian jangkitan dan suntikan vaksin hanya mengurangkan kesan jangkitan untuk manusia. Doa dan harapan menanti hari lalu masih jadi pengharapan.



HAZMI SHOROIN & HEZRI AFZAL
'MASK'


Aluminium
30 inch x 19 inch x 7 inch
hazmishoroin@uitm.edu.my

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

ISBN 978-967-2948-13-1



9 7 8 9 6 7 2 9 4 8 1 3 1



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

